



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PERAKAUNAN KEWANGAN**  
**KOD KURSUS : DPI1043**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---




**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Simpankira adalah berbeza daripada perakaunan. Simpankira biasanya terlibat dalam proses perakaunan berikut:
  - A. Menganalisa
  - B. Mentafsir
  - C. Merekod
  - D. Mengenalpasti
  
2. Rajah di bawah ini menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah Z?

- A. Pengeposan ke Lejar
- B. Penyediaan Imbangan Duga
- C. Pelarasan
- D. Catatan Buku Pertama – Jurnal

3. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri milikan tunggal?

- i. Keuntungan diperoleh oleh pemilik
  - ii. Modal adalah dari sumbangan pekongsi
  - iii. Cukai pendapatan dikenakan ke atas syarikat
  - iv. Liabiliti tidak terhad
- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

4. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urus niaga, prinsip manakah yang diamalkan?

Akaun Bank

	2012	RM
	Mei 5 Belanja Sewa	500
Akaun Belanja Sewa		
2012		RM
Mei 5 Bank	500	

- A. Tempoh Perakaunan
- B. Entiti Berasingan
- C. Catatan Bergu
- D. Ketekalan

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Liana

	RM
Aset bukan semasa	25,000
Aset semasa	10,940
Liabiliti bukan semasa	11,000
Liabiliti semasa	2,740

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A. RM27,680
- B. RM22,320
- C. RM49,680
- D. RM22,200

6. Urus niaga manakah yang mengurangkan jumlah liabiliti?

- A. Menerima diskon berjumlah RM500
- B. Menerima hasil sewa berjumlah RM700
- C. Membayar RM2,000 dengan tunai kepada pembiutang
- D. Menerima RM2,400 dengan cek daripada penghutang

7. Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Teguh

**Imbangan Duga Pada 31 Disember 2014**

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		93,800
Belian	77,000	
Y		19,500
Penghutang	23,400	
Gaji	15,000	

Apakah Y?

- A. Pembiutang
- B. Belanja sewa
- C. Diskon diberi
- D. Pulangan jualan

8. Kedudukan baki akaun pada akhir tempoh perakaunan adalah seperti berikut.

	<b>Butir</b>	<b>Baki</b>
i.	Belanja gaji terakru	Kredit
ii.	Kadar bayaran terdahulu	Debit
iii.	Komisen diterima terdahulu	Debit
iv.	Faedah atas Simpanan terakru	Kredit

Catatan manakah yang **BETUL**?

- A. i dan ii
  - B. i dan iv
  - C. ii dan iii
  - D. iii dan iv
9. Nyatakan kesan baki peruntukan hutang rugu di dalam Penyata Kewangan
- A. Penambahan hutang lapuk
  - B. Penambahan nilai hasil
  - C. Pengurangan nilai modal
  - D. Pengurangan nilai penghutang
- 10.

Teguh Bersatu Enterprise mempunyai inventori awal sebanyak RM10,000. Pada bulan Julai, belian dibuat adalah sebanyak RM70,000, pulangan belian RM2,100 dan angkutan masuk RM1,200. Pengiraan fizikal inventori akhir menunjukkan baki sebanyak RM22,000.

Berdasarkan maklumat di atas, kirakan kos barang di jual bagi Teguh Bersatu Enterprise pada bulan Julai

- A. RM54,700
- B. RM57,100
- C. RM61,300
- D. RM101,100

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Senaraikan **TIGA (3)** konsep dan prinsip perakaunan berserta huraiannya.  
(6 markah)
- b) Berikut adalah transaksi bagi Pernigaaan Maju Jaya pada bulan Ogos 2016.

Tarikh	Transaksi
5	Belian tunai berjumlah RM2,300
7	Jualan tunai berjumlah RM1,800
11	Belian secara kredit dari Perniagaan Mesra berjumlah RM3,800
15	Pemilik telah mengeluarkan cek RM800 untuk membayar sewa kediaman
20	Bayar hutang Perniagaan Mesra dengan cek RM3,000
22	Jualan secara kredit kepada Perniagaan Sejahtera berjumlah RM3,200
25	Terima cek dari Perniagaan Sejahtera berjumlah RM2,500
28	Pemilik membawa masuk tunai RM10,000 ke dalam perniagaan dan dibankkan
30	Bayar gaji pekerja dengan tunai RM1,500

Dikehendaki:

Nyatakan kesannya terhadap aset, belanja, liabiliti, ekuiti pemilik dan hasil seperti contoh yang ditunjukkan di bawah:

Contoh transaksi: Ogos 3 Membeli perabot secara dengan cek RM850

Ogos 2016	Aset (RM)		Belanja (RM)		Liabiliti (RM)		Ekuiti Pemilik (RM)		Hasil (RM)	
	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)
3 (contoh)	Perabot 850	Bank 850								

(9 markah)

**SOALAN 2**

- a) Berikan definisi aset dan pecahannya beserta contoh. (3 markah)
- b) Bagi setiap transaksi di bawah nyatakan akaun yang terlibat dan catatan debit atau kredit yang betul seperti contoh yang ditunjukkan di bawah:

<b>Transaksi</b>	
i.	Jualan tunai berjumlah RM2,300
ii.	Belian secara kredit dari Pembekal Jannah berjumlah RM5,100
iii.	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri berjumlah RM700
iv.	Bayar Pembekal Jannah dengan tunai RM3,500 dan mendapat diskaun berjumlah RM350
v.	Terima cek dari Cemerlang Enterprise berjumlah RM2000 dan memberi diskaun berjumlah RM200

Contoh transaksi: Beli barang niaga secara tunai RM3,200

<b>Transaksi</b>	<b>Akaun yang terlibat</b>	<b>Catatan Debit/Kredit</b>
Contoh	1) Akaun Belian 2) Akaun Tunai	Debit (RM3,200) Kredit (RM3,200)
i.		
ii.		

(12 markah)

**[30 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Transaksi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Maisarah.

2016

- |      |    |   |
|------|----|---|
| Sept | 1  | Memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM55,000                |
|      | 5  | Beli Lengkapan dengan cek berjumlah RM9,500                       |
|      | 10 | Jualan Tunai berjumlah RM1,200                                    |
|      | 18 | Belian secara kredit berjumlah RM4,200 daripada Pembekal Ruhailah |
|      | 22 | Bayar Pembekal Ruhailah dengan cek berjumlah RM3,000              |
|      | 25 | Bayar sewa premis perniagaan RM7,000 dengan cek                   |
|      | 30 | Bayar gaji pekerja secara tunai berjumlah RM2,500                 |

Dikehendaki:

- a) Merekod transaksi di atas ke dalam buku catatan pertama (keterangan tidak diperlukan)  
(7 markah)
- b) Poskan transaksi di atas ke akaun-akaun yang berkaitan  
(7 markah)
- c) Sediakan Imbangan Duga pada 30 September 2016.  
(6 markah)

**SOALAN 2**

Imbangan Duga yang berikut diambil daripada Perniagaan Bersepadu pada 31 Oktober 2016.

**Imbangan Duga pada 31 Oktober 2016**

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		100,500
Belian	88,700	
Pulangan Masuk		1,500
Pulangan Keluar		1,780
Stok pada 1 Oktober 2016	9,330	
Angkutan masuk		1,050
Kadar bayaran		1,020
Belanja am		590
Insurans		2,900
Gaji		7,500
Promosi		440
Diskaun diberi		300
Diakaun diterima		420
Pinjaman jangka panjang		25,000
Ambilan	1,200	
Penghutang		10,200
Pembiutang		9,880
Tunai		6,400
Bank		9,220
Premis		110,000
Perabot		6,000
Modal pada 1 Oktober 2016		118,770

Maklumat Tambahan:

- i. Stok akhir pada 31 Oktober 2016 bernilai RM11,210
- ii. Kadar bayaran terdahulu RM350
- iv. Gaji bagi bulan Oktober masih lagi tertunggak RM625
- iv. Susut nilai premis dan perabot adalah 10% setahun atas kos
- v. Peruntukkan hutang ragu diselaraskan 2% ke atas penghutang bersih

Anda dikehendaki menyediakan;

- a) Jurnal pelarasian (keterangan tidak diperlukan);  
(5 markah)
- b) Penyata Untung & Rugi bagi bulan berakhir 31 Oktober 2016;  
(12 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2016.  
(8 markah)

**SOALAN 3**

Syarikat Skudai Jaya Bhd. Telah menerima penyata bank untuk bulan Mei 2015 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di Buku Tunai. Penyata Bank dan Buku Tunainya ditunjukkan seperti di bawah ini.

**Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)**

2015		RM	2015		RM
Mei 2	Jualan	506	Mei 1	Baki b/b	2,930
4	Komisen	330	3	Belian	420221 860
7	Kedai Mazlee	1,400	8	Perabot	420222 980
10	Pasarmini	1,260	12	Syarikat Kok	420223 3,100
	Aisyah				
13	Jualan	640	16	Promosi	420224 405
20	Agensi Natalia	704	17	Belian	420225 622
24	Kedai Qamarina	1,415	21	Perniagaan Linda	420226 3,280
25	Stor Thiru	3,000	23	Kadar Bayaran	420227 256
29	Jualan	1,325	24	Belanja Am	420228 420
31	Baki h/b	3,273	29	Gaji	420229 1,000
		13,853			13,853

## Penyata Bank

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2015			RM	RM	RM
Mei 1	Baki b/b				(2,230)
2	Deposit			506	(1,724)
5	Cek	420221	860		(2,584)
9	Cek cawangan sendiri			330	(2,254)
10	Cek	420222	980		(3,234)
13	Sewa – Arahan tetap		600		(3,834)
14	Cek	420220	700		(4,534)
15	Deposit			1,300	(3,894)
16	Dividen			520	(3,374)
17	Cek	420223	1,300		(4,674)
19	Cek	420224	405		(5,079)
20	Buku cek		30		(5,109)
22	Cek	420225	622		(5,731)
27	Cek	420227	256		(5,987)
28	Deposit			3,000	(2,987)
29	Deposit			1,325	(1,662)
30	Faedah atas overdraf		110		(1,772)

## Maklumat Tambahan:

- Cek yang didepositkan pada 20 Mei 2015 dalam Buku Tunai adalah cek tak layan.
- Cek yang bernombor 420223 dikenal pasti berlaku kesilapan dalam Buku Tunai.

## Anda dikehendaki menyediakan:

- Mengemaskini Buku Tunai Syarikat Skudai Jaya Bhd. pada 31 Mei 2015; ( 5 markah)
  - Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2015. (10 markah)
- [60 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



